TERMA & SYARAT KAD KREDIT SUTERA PLATINUM HONG LEONG (English Version)
Dikemas Kini pada 5 Ogos 2026

Terma dan syarat (**"T&S"**) Kad Kredit Sutera Platinum Hong Leong (**"Kad Sutera"**) di bawah hendaklah dibaca bersama Perjanjian Pemegang Kad (**"Perjanjian"**) Hong Leong Bank Berhad ("**HLB**"). Selain daripada perubahan seperti tertera di bawah, semua terma dan syarat Perjanjian hendaklah diterima pakai. Sekiranya terdapat percanggahan atau ketidakselarasan antara terma dan syarat Perjanjian dengan terma dan syarat T&S, T&S ini akan diguna pakai setakat yang terpakai berkenaan dengan Kad Sutera. Dengan menerima Kad Sutera, Pemegang Kad (seperti yang ditakrifkan di sini) bersetuju untuk terikat dengan T&S ini dan Perjanjian.

CIRI-CIRI PRODUK

1. Definisi:

(a) **"Pemegang Kad"** bermaksud individu yang namanya tertera pada Kad sama ada **"Pemegang Kad Utama"** dan/atau **"Pemegang Kad Tambahan"** melainkan dinyatakan sebaliknya.

(b) **"Pemegang Kad Utama"** bermakna Pemegang Kad Utama yang kepadanya Kad dikeluarkan oleh HLB.

(c) **"HLB Connect App"** bermaksud Perbankan Mudah Alih Hong Leong Connect.

(d) **"Transaksi QR Pay"** bermaksud transaksi runcit dibuat melalui HLB Connect App mengunakan QR Pay.

2. Program Ganjaran Kad Sutera ("Program")

(a) Pemegang Kad adalah layak menyertai Program ini dan memperoleh Mata Ganjaran HLB berikut berdasarkan Kategori Perbelanjaan dan Kod Kategori Peniaga (**"MCC"**), Peniaga dan/atau Transaksi seperti ditetapkan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

Kategori Perbelanjaan	**Kod Kategori Peniaga (MCC), Peniaga dan / atau Transaksi**	**Gandann *HLB Reward Points* (untuk setiap RM1 yang dibelanjakan)**
Perbelanjaan Atas Talian	• Lazada • Shopee • Grab • Foodpanda • Touch 'N Go • MYEG • Spotify • Netflix • iTunes Nota: Terpakai untuk urus niaga tambah nilai e-wallet dan penghantaran makanan	8X

	bagi saudagar yang disenaraikan di atas sahaja	
Barangan Runcit, Farmasi & Keperluan Asas	• MCC: 5411 – Semua kedai runcit termasuk Giant, Cold Storage, Jaya Grocer, Mercato, dll. • MCC: 5912 – Semua kedai ubat dan farmasi termasuk Guardian, Watsons, Caring Pharmacy, dll. • Kedai serbaneka terpilih – MyNews dan 7Eleven	8X
Jamu Selera	MCC: 5811/5812/5814 – Katerer, Tempat Makan dan Restoran, dan Restoran Makanan Segera. **Contoh Peniaga:** Serai, McDonald's, Secret Recipe etc.	8X
Luar Negara	Sebarang perbelanjaan runcit bukan MYR, tanpa mengira lokasi	8X
Lain-lain	Semua Transaksi Runcit Layak (sila merujuk kepada definisi di bawah)	1X

(b) **"Transaksi Runcit Layak Lain"** bermaksud apa-apa transaksi belian runcit yang dibuat di dalam negara atau luar negara, termasuk transaksi dalam talian, selain daripada Kod Kategori Peniaga ("MCC") yang layak dan/atau peniaga yang tersenarai dalam Jadual 1 di atas, yang dicaj kepada Kad Sutera (kedua-dua Kad Sutera Utama dan Tambahan). Senarai ini tidak terhad tetapi hendaklah **MENGECUALIKAN**:

(i) pengeluaran tunai melalui apa-apa cara (iaitu Mesin Juruwang Automatik, kaunter, kuasi tunai, pendahuluan tunai dsb.);

(ii) produk-produk portfolio seperti Pindahan Baki ("**BT**"), Quick Cash ("**QC**") dan Pelan Bayaran Fleksi ("**FPP**");

(iii) JomPay dan transaksi berkaitan kerajaan;

(iv) Transaksi FPX;

(v) transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang;

(vi) pelan perlindungan kad;

(vii) Transaksi QR Pay melalui HLB Connect App;

(viii) apa-apa bentuk fi perkhidmatan atau fi pelbagai, termasuk caj kewangan dan fi seperti fi tahunan kad kredit, caj bayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan (jika berkenaan), seperti mana ditentukan oleh HLB dari semasa ke semasa; dan/atau

(ix) DuitNow AutoDebit

Transaksi yang tersenarai di bawah Klausa 2(b)(i) hingga (ix) di atas tidak akan menerima apa-apa Mata Ganjaran HLB.

(c) Bagi Pelan Bayaran Fleksi (**"EPP"**), *HLB Reward Points* akan diberi berdasarkan amaun bulanan iaitu satu (1) *HLB Reward Points* HLB bagi setiap Ringgit Malaysia Satu (RM1) amaun ansuran bulanan tanpa mengira Kategori Perbelanjaan.

(d) Semua *HLB Reward Points* menurut Kategori Perbelanjaan berkenaan akan dianugerahkan pada tarikh transaksi tercatat.

(e) Penetapan MCC bagi setiap peniaga adalah bergantung kepada pengelasan oleh bank pemeroleh peniaga berkenaan (**"Bank Pemeroleh Peniaga"**) berdasarkan budi bicara mereka dan Bank Pemeroleh Peniaga berkenaan bertanggungjawab menetapkan MCC dan perihal MCC yang betul. Kecuali bagi ganti rugi yang timbul secara langsung daripada keingkaran sengaja dan kecuaian melampau HLB, HLB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang ketidaklayakan Mata Ganjaran HLB di mana ketidaklayakan tersebut disebabkan oleh Bank Pemeroleh Peniaga atau keadaan di luar kawalan munasabah HLB.

(f) Semua pengeluaran dan penebusan *HLB Reward Points* adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat Katalog Ganjaran Hong Leong Club yang boleh disemak di www.hlb.com.my/rewards

3. Fi Tahunan

Fi Tahunan akan dikenakan seperti berikut:

Pemegang Kad Utama	RM120
Pemegang Kad Tambahan	RM60

Fi tahunan akan dikecualikan apabila Pemegang Kad menggunakan Kad Sutera dengan perbelanjaan runcit minimum Ringgit Malaysia Lima Belas Ribu (RM 15,000) dalam tahun ulang tahun, untuk Pemegang Kad Utama dan Tambahan secara individu. Bagi mengelakkan keraguan, semua transaksi yang berkaitan dengan kerajaan dan/atau JomPAY akan diambil kira dalam pengiraan perbelanjaan runcit tahunan tersebut.

4. Pengubahan Ciri Produk

(a) HLB boleh meminda, mengubah atau menukar mana-mana ciri produk untuk Kad Sutera atau menarik balik Kad Sutera apabila perlu, dengan memberi notis awal kepada Pemegang Kad. HLB boleh menghantar mel secara terus kepada Pemegang Kad atau memaklumkan kepada media masa atau meletak notis dalam dewan perbankan HLB atau laman web HLB di www.hlb.com.my atau apa-apa cara yang HLB anggap sesuai bagi penambahan, pengubahsuaian atau pemindaan ciri-ciri produk tersebut.

(b) T&S dalam dokumen ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.

5. Tafsiran

(a) Melainkan konteks menghendaki sebaliknya, perkataan dan ungkapan yang berhuruf besar akan mempunyai pengertian yang sama seperti mana ditakrif dalam Perjanjian kecuali ditakrif secara khusus dalam T&S ini.
(b) Perkataan yang merujuk jantina lelaki akan termasuk jantina perempuan dan/atau jantina neutral dan begitu juga sebaliknya.
(c) Perkataan yang merujuk bilangan tunggal akan termasuk bilangan jamak dan begitu juga sebaliknya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S ini, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang sedang melayan anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kepada kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-76268899